

07/12/2004

Guna euro, yen elak kesan buruk harga minyak: Dr M

By Azman Zakaria; Wan Hazmir Bakar; Badrila Jamlus
KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan negara dan masyarakat perniagaan supaya menggunakan mata wang euro dan yen atau membeli emas bagi mengelak kesan buruk akibat peningkatan harga minyak.

Beliau berkata, kenaikan harga minyak sejak kebelakangan ini bukan dimulakan negara Arab, tetapi disebabkan sikap boros Amerika Syarikat (AS) yang ketika ini memberi tekanan kepada penurunan nilai dolar AS.

Katanya, dunia pertama kali dikejutkan dengan kenaikan harga minyak pada 1973 yang melonjak lebih 400 peratus dan kali kedua ketika krisis di Iran pada 1978 tetapi kenaikan itu hanya 100 peratus iaitu 35 dolar AS bagi setiap tong.

"Apa yang berlaku sekarang hanyalah penurunan nilai dolar AS dan kita sepatutnya menilai sendiri kesan penurunan nilai dolar AS dan berusaha menolak penggunaan dolar AS sebagai mata wang perdagangan," katanya dalam ucapan bertema 'Kesan Kenaikan Harga Minyak Dalam Ekonomi Asia Timur'.

Dr Mahathir yang juga Penasihat Petronas berkata, harga minyak ketika ini didagangkan dalam dolar AS dan kenaikan harga minyak dari segi dolar AS baru-baru ini hanya kira-kira 100 peratus.

Bagaimanapun, jika dinilai dari segi mata wang pound, euro dan yen, nilai itu adalah jauh berkurangan kerana apa yang dilihat sekarang adalah satu gambaran kewangan dunia yang diputar belit akibat kejatuhan nilai mata wang standard yang digunakan sekarang.

Beliau berkata, sistem kewangan dunia juga ketika ini menggunakan terlalu banyak dolar AS menyebabkan sebahagian negara pengeluar minyak menghimpun sejumlah besar rizab dolar AS.

Selain itu, pengeluar minyak terbabit turut melabur dalam bon dolar AS apabila mereka meningkatkan kegiatan penerokaan dan pengeluaran minyak.

Dr Mahathir turut menyifatkan Amerika Syarikat sebagai negara defisit yang hidup dengan wang pinjaman dan berhutang banyak dengan negara lain terutama di bawah pentadbiran Presiden George W Bush.

Katanya, nilai dolar AS menerima kesan kelemahan kewangan AS dengan akaun defisit semasa negara itu kini dianggarkan lebih AS\$10 trilion (RM38 trilion) dan jumlah itu dijangka terus meningkat.

"Presiden Amerika Syarikat itu telah berbelanja melebihi kutipan hasil disebabkan kepercayaan bahawa aliran masuk dolar AS akan tetap berterusan.

"Walaupun AS akan menerima sedikit wang dari bon dolar AS, ini tidak akan berupaya untuk membayar balik hutangnya kerana Amerika perlu mengimport dan menggunakan lebih banyak petroleum," katanya.

Beliau berkata, kelemahan terbesar Amerika adalah pada mata wang dolar dan Malaysia mengelakkan kerugian terhadap simpanan tukaran asingnya walaupun ada penurunan dalam nilai dolar dengan membina pegangan euro dan emas.

Dr Mahathir berkata, nilai dolar AS berbanding euro berkurang lebih setengah apabila kini bernilai 130 sen bagi satu euro berbanding 80 sen bagi sebelum ini.

Berikutan itu, beliau berkata, pengeluar minyak terpaksa menaikkan harga minyak bagi mendapat semula nilai wang masing-masing.

Selain itu, kenaikan harga minyak dipengaruhi faktor China yang menyatakan kesediaan untuk membayar harga minyak yang lebih tinggi.

Bagaimanapun, katanya, China tidak mempunyai alasan untuk menekan harga minyak kerana Renmimbi yang ditambat kepada dolar AS memastikan produk

China memiliki daya saing dalam pasaran dunia.

Dr Mahathir berkata, faktor lain yang boleh menolak turun nilai dolar AS adalah kemungkinan pasaran dibanjiri oleh dolar AS apabila pengeksport menolak dolar AS sebagai mata wang perdagangan.

"Perubahan kepada euro atau yen akan menyebabkan pasaran dibanjiri dengan dolar AS dan seterusnya akan menekan turun nilai dolar AS," katanya sambil menambah peningkatan harga minyak tidak diragui mempunyai kesan ke atas negara Asia Timur tetapi apa yang lebih penting ialah impak penurunan nilai dolar AS ke atas negara rantau ini.

(END)